

Perbualan berimplisit dalam Filem-Filem Klasik Malaysia (P. Ramlee): Analisis Semantik Inkuisitif

Implicit Conversations in Malaysian Classic Films (P. Ramlee): Inquisitive Semantics Analysis

Nur Ezatull Fadtehah Hedel* & Mary Fatimah Subet

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

Submitted: 29/5/2022. Revised edition: 30/4/2022. Accepted: 17/5/2023. Published online: 7/6/2023

ABSTRAK

Filem-filem klasik P. Ramlee turut menggunakan perbualan tersirat dalam menyampaikan sesuatu mesej namun tidak dapat diterjemah secara harfiah. Bagi merungkai perkara tersebut, maka, dua objektif diketengahkan iaitu mengenal pasti ujaran berimplisit dalam karya filem P. Ramlee dan menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam filem tersebut. Kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk deskriptif dan analisis kandungan. Kajian kali ini hanya menentengahkan lima buah data filem P. Ramlee yang mendapat jumlah tontonan yang tinggi di aplikasi YouTube daripada 10 filem yang terpilih. Namun, kajian ini hanya membincangkan filem *Seniman Bujang Lapok* yang melimitkan dua data untuk dianalisis. Data dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif (SI) oleh Jalaluddin (2014), dibantu dengan aplikasi teori relevans (TR) daripada Sperber dan Wilson (1986, 1995) dan Rangka Rujuk Silang (RRS) daripada Kempson (1986). Hasil kajian mendapati bahawa filem-filem P. Ramlee mengandungi unsur pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu yang terserlah daripada ujaran berimplisit tersebut. Oleh itu, berpandukan pendekatan SI, TR dan RRS, pengkaji dapat mengetahui asbab penggunaan ujaran berimplisit diujarkan dalam filem P. Ramlee dengan hubung kait data, teori, kognitif dan falsafah demi mencungkil akal budi penuturnya.

Keywords: Rangka Rujuk Silang, Filem klasik, Semantik inkuisitif, P. Ramlee, Teori Relevans

ABSTRACT

P. Ramlee's classic films use implicit conversation to convey a message that cannot be translated literally. To unravel this, two objectives are highlighted, which is to identify implicit conversation and to analyze the thoughts and intellect of Malay society in that films. This qualitative study uses a descriptive design and content analysis. The study focuses on five P. Ramlee films with the high views on YouTube out of ten selected films. However, this study only focuses on "*Seniman Bujang Lapok*" film which only limits two data for analysis. The data is analyzed using the inquisitive semantics (SI) approach by Jalaluddin (2014), assisted by the Relevance Theory (RT) by Sperber and Wilson (1986, 1995) and Bridging Cross Reference (BCR) approach by Kempson (1986). The study found that P. Ramlee's films contain elements of Malay society's thoughts and intellect are highlighted through implicit conversation. Therefore, by using the IS, RT and BCR, the researcher can understand the reasons using implicit conversation in P. Ramlee's films by connecting data, theory and philosophy in order to explore the wisdom of the people in the past that are high in intellect.

Keywords: Bridging Cross Reference, classic film, Inquisitive Semantics, P. Ramlee, Relevance Theory

*Correspondence to: Nur Ezatull Fadtehah Hedel (email: nurezatullfadtehah@gmail.com)

1.0 PENGENALAN

Teuku Zakaria bin Teuku Nyak Puteh atau lebih dikenali dengan nama komersialnya P. Ramlee. Beliau merupakan seorang seniman agung yang sangat berbakat besar tidak kira dalam bidang nyanyian, lakonan, arahan filem, pelawak, penulis serta pengubah lagu (A Pogadaev, 2016). Menurut Abdullah (2016), karya seni filem P. Ramlee telah diangkat menjadi karya malar segar kerana mengandungi mesej tersirat di dalamnya. Di samping kehebatan filem-filem P. Ramlee juga terletak pada pemikiran beliau yang sangat berani menekankan beberapa aspek penting dalam kehidupan seperti sosial, politik, keagamaan dan paling penting budaya masyarakat Malaysia itu sendiri. Antara filem-filem P. Ramlee seperti Bujang Lapok, Musang Berjanggut, Pendekar Bujang Lapok, Labu-Labi dan banyak lagi yang bukan sahaja bersifat lucu semata-mata, malah, pengisian ceritanya sarat dengan nilai-nilai kemasyarakatan, sindirian dan keritikan berdasarkan fakta yang benar. Perkara ini telah menarik minat para pengkaji terutamanya dalam bidang bahasa dan untuk mendalami akal budi dan keintelektualan dalam karya agung P. Ramlee. Namun begitu, terdapat ramai pengkaji lepas mengkaji berkaitan dengan karya-karya filem P. Ramlee menggunakan pendekatan yang berbeza-beza dan kajian sebelum ini tidak memfokuskan kepada akal budi, keintelektualan dan bersifat masyarakat sezaman. Bertitik tolak daripada perkara inilah pengkaji akan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif daripada Jalaluddin (2014) bagi mendalami makna implisit dalam perbualan filem-filem P. Ramlee. Penggunaan bahasa tersirat dalam filem P. Ramlee merupakan salah satu keunikan filem-filem klasik P. Ramlee dan merupakan khazanah yang perlu dijaga dan dihargai oleh setiap lapisan masyarakat kerana melambangkan salah satu identiti Malaysia.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Kajian yang melibatkan ujaran dalam filem klasik telah banyak dijalankan oleh pengkaji lepas. Antaranya, Saimon dan Hamzah (2019), iaitu kajian ujaran saling memahami dalam filem Nordin Ahmad seperti filem Semerah Padi (1956), Hang Jebat (1961), Sri Mersing (1961) dan filem Lancang Kuning (1962). Kajian ini turut menggunakan teori relevans dan teori lakuan bahasa daripada Searle (1969). Hasil kajian ini pula mendapati bahawa untuk mewujudkan hubungan saling memahami unsur lakuan bahasa dan bentuk bahasa berperanan penting membantu pendengar untuk memahami ujaran dengan mudah. Hal ini demikian kerana, bahasa yang melatari sesuatu ujaran dapat diinterpretasi makna sebenar berdasarkan kognitif seseorang, faktor lakuan bahasa dan pengetahuan ilmu yang maksimum. Di samping itu, terdapat kajian Hassan, Hamzah, Yaakub dan Husin (2020) yang mengkaji filem Dayang Senandong (1965) melihat kepada eksploitasi maksim Grice untuk melambangkan kehalusan berbahasa masyarakat Melayu. Kajian ini mengaplikasi Prinsip Kerjasama Grice dan turut menggunakan teori relevans. Hasil kajian turut mendapati bahawa eksploitasi maksim dalam komunikasi masyarakat Melayu menerusi filem jelas menunjukkan bahawa nilai kehalusan berbahasa masyarakat berdasarkan penggunaan implikatur jelas memerlukan pemahaman makna yang terperinci bagi menyampaikan sesuatu mesej secara tepat dan padat. Mengambil contoh kajian Sri Mersing daripada Abdul Kadir dan Hamzah (2017) yang menganalisis perbualan berimplisit dalam filem Melayu klasik menggunakan teori relevans daripada Sperber dan Wilson (1986, 1995). Contoh data, “kau nak conteng arang ke muka ibu bapa kau ya!”. Konteks data

kajian ini ialah melakukan perbuatan buruk yang mencemarkan nama baik keluarga. Kesan kognitif pula berjaya diproses apabila leksikal arang dan muka dapat menggambarkan situasi malu dengan menggabungkan maklumat tambahan seperti adat, budaya dan peraturan masyarakat yang keluar bertemu bukan mahram tanpa izin. Oleh itu, usaha proses adalah rendah, dan kerelevanan ujaran adalah tinggi. Maka, hasil kajian ini mendapati ujaran berimplisit dalam filem Sri Mersing juga memenuhi ketiga-tiga unsur teori relevans iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses.

Di samping itu, terdapat banyak kajian lepas yang mengkaji filem-filem P. Ramlee seperti kajian Kamarudin dan Bahrain (2021); Shaharudin (2021); Abdullah dan Zainudin (2021); Alias dan Md. Noh (2021); Sagkif Shek dan Md. Dawam (2020); Tahnia, Dahlan dan Asnawi (2017); Pillai (2017). Mengambil contoh kajian Mohammad dan Saidi (2021) yang mengkaji menifestasi ragam bahasa dalam filem *Seniman Bujang Lapok* dengan menggunakan analisis aspek bahasa Za'Ba. Dua jenis ragam bahasa dibincangkan dalam kajian ini iaitu ragam bahasa herdik dan sindiran sahaja daripada dua belas jensi ragam bahasa yang ditemui. Antaranya ragam bahasa herdik iaitu "ini macam punya muka mahu jadi filem star ka?" dan bahasa sindiran iaitu "apa kau fikir ini duit bapak engkau, ya?", hasil kajian mendapati bahawa filem *Seniman Bujang Lapok* mengetengahkan pelbagai ragam bahasa dalam penghayatan watak berdasarkan pelbagai fungsi tersendiri. Oleh yang demikian, setiap individu perlu memahami variasi ragam bahasa yang digunakan kerana pemilihan ragam bahasa yang sesuai membantu pendengar memahami mesej yang disampaikan oleh penutur.

Dalam masa yang sama kajian ini turut menggunakan pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014). Pendekatan semantik inkuisitif telah digunakan untuk menganalisis data peribahasa seperti peribahasa Melayu, Tamil dan Iban (Murthy, Subet dan Daud, 2019a, 2019b, 2019c; Nopiah, Jalaluddin dan Yusof, 2018; Murthy dan Subet, 2018, 2019, 2020; Jeffrey dan Subet, 2018), simpulan bahasa (Jonteng, Yahaya, Salleh, Abdullah dan Subet, 2021; Abang Muhi, 2021; Wan Mansor dan Jalaluddin, 2016), lagu (Ho dan Jalaluddin, 2019; Ho, 2020), kajian slanga (Daud dan Subet, 2019; Daud, 2018) dan cerita rakyat (Hedel dan Subet, 2020, 2021). Mengambil contoh kajian Hedel dan Subet (2021) yang bertujuan menganalisis genre perbualan aneh dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Kajian tersebut dianalisis menggunakan tiga tahap iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. Salah satu contoh data "Kata Husain Mandari dan Husain Mandi "Kamu datang dari negeri Gaznawi," seraya katanya lagi, "Hai bapaku, di dalam negeri ini adakah rumah yang tiada dapurnya?" Kata orang tua itu lagi "Di mana pula ada rumah tiada berdapur: Gila rupanya orang muda ini!" yang bertanya rumah tiada berdapur. Apabila diperhalusi hingga ke peringkat semantik inkuisitif, rumah yang dimaksudkan dalam perbualan berimplisit tersebut merujuk kepada masjid kerana rumah selesa untuk beribadat dan berehat sama seperti masjid. Leksikal dapur digunakan kerana dapur merupakan salah satu ruang untuk mengeratkan silaturahim sama seperti fungsi masjid yang mempunyai pelbagai kegiatan yang bermanfaat. Hasil kajian mendapati bahawa setiap leksikal jelas mempunyai makna tersendiri dan diketahui lebih mendalam dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.

Rumusannya, berdasarkan sorotan kajian lepas, pengkaji mendapati bahawa filem klasik P. Ramlee masih lagi mendapat tempat di hati para pengkaji. Kajian berkaitan filem-filem P. Ramlee telah menunjukkan bahawa P. Ramlee banyak menggunakan bahasa secara tersirat yang perlu diperhalus dengan lebih mendalam. Di samping itu, filem-filem P. Ramlee telah menonjolkan bahawa pemikiran dan akal budi telah mempengaruhi sesuatu kaum dan kehidupan. Dengan adanya aplikasi pendekatan semantik inkuisitif telah membantu para penyelidik dan masyarakat untuk mengetahui serba sedikit ilmu daripada pelbagai bidang dan menjawab persoalan yang berlegar-legar diminda para pengkaji dan pendengar.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk deskriptif dan analisis kandungan. Data diperoleh daripada data primer iaitu data korpus daripada transkripsi perbualan filem-filem P. Ramlee dan menggunakan data sekunder melalui artikel atau jurnal yang diakses daripada laman sesawang untuk mendapatkan maklumat berkenaan bidang kajian. Daripada 16 buah filem yang dikategorikan sebagai filem paling popular hasil carian Google, 10 filem dipilih berdasarkan jumlah tontonan paling tinggi di aplikasi YouTube sehingga 28/12/2021. Namun, kajian ini hanya mengetengahkan lima filem dan menghuraikan salah satu filem tersebut sebagai sampel kajian. Perkara ini selari dengan kenyataan Liamputtong (2014), saiz sampel yang kecil antara satu hingga lima telah memadai asalkan memenuhi persampelan kajian. Antara lima filem P. Ramlee tersebut adalah “Seniman Bujang Lapok (1961)”, “Ali Baba Bujang Lapok (1961)”, “Tiga Abdul (1964)”, “Nasib Do Re Mi (1966)”, dan “Pendekar Bujang Lapok (1959)”. Pengkaji telah membataskan dua data sahaja dihurai daripada setiap filem. Menurut Idid (1992), saiz sampel yang banyak juga tidak menjamin ketepatan hasil dapatan dan memadai beberapa sampel sahaja kerana dapat memberikan hasil dapatan yang sama.

Pendekatan semantik inkuisitif telah digunakan untuk merungkai makna yang hendak disampaikan kepada masyarakat. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat ujaran berimplisit yang dikenal pasti dalam filem-filem yang dikaji. Perbualan berimplisit filem P. Ramlee tersebut dianalisis melalui tiga tahap seperti Rajah 1 di bawah.



Rajah 1 Tiga tahap analisis pendekatan semantik inkuisitif

4.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati bahawa filem-filem P. Ramlee menggunakan unsur implisit dalam perbualan untuk menyindir, menasihati dan sebagainya. Pengkaji menggunakan data perbualan berimplisit daripada filem *Seniman Bujang Lapok* sebagai sampel kajian seperti berikut:

Data 1 Perbualan Berimplisit dalam Filem *Seniman Bujang Lapok* (Rujuk Lampiran):



Tahap 1: Analisis Semantik Skrip

Pada tahap ini menjelaskan makna secara literal sahaja. Ramli telah mengajak Salmah berjumpa di bawah pohon pada waktu malam. Namun, Aziz dan Sudin yang melihat adegan tersebut berasa sangat menyampah dan soal jawab antara mereka berdua bermula. Aziz bertanyakan soalan kepada Ramli sama ada mahu mencari keja ataupun menjual minyak. Namun, persoalan tersebut lantas dijawab oleh Sudin dengan bertanyakan kembali “minyak apa?” dan dijawab semula oleh Aziz dengan mengatakan “minyak urat”. Pada akhir perbualan tersebut, Ramli masih memaksa Salmah untuk bertemu malam nanti walaupun Salmah tidak berkelapangan. Makna pada tahap ini masih belum memadai untuk mengetahui makna sebenar tersirat “jual minyak” dan analisis seterusnya iaitu semantik resonans dan semantik inkuisitif diperlukan.


Tahap 2: Analisis Semantik Resonans

Analisis diteruskan lagi pada tahap semantik resonans yang melibatkan gabungan antara data, teori dan keupayaan kognitif antara penutur-pendengar bagi membantu merungkai alasan di sebalik penggunaan setiap leksikal yang dipilih dalam filem *Seniman Bujang Lapok*. Maka, gambaran kognitif diperlukan pada tahap ini dengan menitikberatkan gambaran yang nyata, bentuk logik (makna linguistik) dan mempertalikan perbualan berimplisit. Jadual 1 berikut menunjukkan gambaran kognitif bagi leksikal konkrit yang dipilih iaitu [jual] dan [minyak].

Jadual 1 Gambaran kognitif bagi leksikal [jual] dan [minyak]

Leksikal	Jual	Minyak
Rajah		
Sumber	Sulaiman, A. (2020). Keabsahan Transaksi: Makna literal akad atau tujuan [Photograph]. Indonesia. https://iqra.id/tag/jual-beli-dalam-islam/	Schroeder, E. (2019). AAK acquires vegetable oils refinery in the Netherlands [Photograph]. Netherlands. https://www.foodbusinessnews.net/articles/13340-aak-acquires-vegetable-oils-refinery-in-the-netherlands
Definisi	memporniagakan sesuatu ataupun menjual sesuatu dengan memberikan barang dengan mengambil wang. (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, 2016).	cecair yang tidak boleh bercampur dengan air (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, 2016).
Perbualan/ dialog berimplisit		

Teori Relevans mengetengahkan tiga konsep iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses bagi melihat tahap kerelevanan sesuatu ujaran berdasarkan usaha memproses maklumat yang rendah. Semakin rendah usaha memproses maklumat, semakin tinggi kerelevanan maklumat berkenaan. Di samping itu, teori relevans juga turut membenarkan pencarian makna berdasarkan pelbagai andaian yang kukuh untuk sampai kepada makna dihajati, maka, pelbagai andaian muncul dan difikirkan pada tahap ini. Data perbualan berimplisit tersebut juga turut dianalisis dengan menggunakan Rangka Rujuk Silang yang merupakan subkonsep bagi teori relevans. Rajah 2 di bawah merupakan Rangka Rujuk Silang bagi data 1:



Rajah 2 Rangka Rujuk Silang bagi data 1

Maklumat tambahan seperti “malam ini kita boleh jumpa tak di bawah pokok”, “nak cari kerja” dan “malam ni kalau tak...bolehpun bikinlah sampai boleh, ya?” telah membekalkan konteks untuk menganalisis ujaran berimplisit “jual minyak” tersebut”.

Frasa “Hoi Ramli, nak cari kerja ke, nak jual minyak?” telah menimbulkan ujaran berimplisit kerana tiada kaitan dengan keadaan yang sedang berlaku. Hal ini demikian kerana perbualan tersebut kearah perbuatan Ramli mengajak Salmah berjumpa namun Aziz mengutarakan dialog berimplisit “jual minyak”. Oleh yang demikian, ada makna tersirat yang cuba disampaikan oleh Aziz dalam dialognya dan menganggap Ramli dan Sudin memahaminya kerana mereka bertiga bersahabat baik dan banyak berkongsi konteks yang sama. Dalam teori relevans, konteks merupakan seberkas andaian yang wujud, maka, konteks yang terdapat pada data tersebut ialah Aziz dan Sudin menyindir Ramli yang sedang mengorot Salmah. Jika dilihat konteks filem tersebut, Ramli telah berkelakuan tidak keruan ketika sedang berborak dengan Salmah secara tidak langsung menimbulkan perasaan meluat antara Aziz dan Sudin. Menurut Swari (2020), seseorang itu akan berperilaku tidak keruan ketika melihat orang yang disukai dan apabila dalam keadaan bersemuka. Hal ini demikian kerana hormon adrenalin dalam tubuh manusia meningkat menyebabkan detak jantung serta pernafasan meningkat menyebabkan perasaan tidak keruan tersebut. Di samping itu, salut darah vena pada kulit muka juga akan mengembang menyebabkan muka hangat dan pipi kemerahan ketika tersipu-sipu malu akibat peningkatan hormon adrenalin tersebut.

Tambahan pula, leksikal jual minyak digunakan kerana menurut Faizul (2017), seseorang yang berkecimpung dalam dunia jual beli akan bertemu pelbagai ragam manusia dan sibuk mempromosikan barangan jualan lebih-lebih lagi barangan yang mendapat permintaan tinggi seperti minyak yang merupakan keperluan asas manusia (Hamid, 2017). Contohnya, minyak masak untuk memasak, minyak

tanah untuk menghidupkan api dan sebagainya. Maka, keadaan ini mencerminkan konteks sebenar Ramli yang sibuk mencari kerja, namun tetap mencari masa untuk mengorat perempuan disukainya. Maka, kesan kognitif yang terbina diperkukuh dengan maklumat tambahan menyebabkan usaha memproses ujaran tersebut adalah rendah. Maka, kerelevanan ujaran berkenaan adalah tinggi. Namun, makna pada peringkat ini masih bersifat abstrak dan memerlukan satu lagi tahap analisis untuk menjawab persoalan penggunaan lesikal jual dan minyak digunakan dengan analisis semantik inkuisitif.

Tahap 3: Analisis Semantik Inkuisitif

Timbul persoalan kenapa masyarakat Melayu zaman dahulu menggunakan leksikal jual dan minyak bagi melambangkan perbuatan mengorat perempuan? Kenapa tidak menggunakan leksikal jual air, makanan dan sebagainya? bagi menjawab persoalan tersebut, maka pendekatan semantik inkuisitif diaplikasi. Hal ini demikian kerana, bidang semantik inkuisitif merupakan satu pendekatan daripada pelbagai disiplin ilmu untuk mendapatkan jawapan yang konkrit dan dihajati.

Dalam ujaran “Hoi, Ramli, nak cari kerje ke, nak jual minyak”, kajian ini memfokuskan kepada leksikal jual. Kajian ini melihat kepada disiplin ilmu perniagaan. Kajian ini berpendapat, aktiviti menjual sangat penting kerana mampu melatih dan memupuk sikap jujur dalam diri seseorang. Hal ini demikian kerana dalam perniagaan, terdapat pelbagai kerenah manusia yang bakal ditemui. Contohnya, terdapat pelanggan yang serius dan tidak serius dalam urusan jual beli dan perkara tersebut sangat menguji tahap kesabaran seseorang peniaga. Oleh yang demikian, menurut Khairi (2015), seorang peniaga perlu mempunyai ilmu dan pengalaman untuk menjalankan sesuatu perniagaan dengan mengorbankan masa dan tenaga untuk mendapatkan kedua-dua perkara tersebut. Hal ini demikian kerana, menguruskan perniagaan bukanlah suatu yang mudah lebih-lebih lagi bagi mereka yang pertama kali berkecimpung dalam dunia perniagaan. Menurut Baharuddin (2012), peniaga yang banyak melihat asam garam dalam perniagaan boleh belajar menguruskan perniagaan mereka dan menggunakan Teknik-teknik yang betul supaya pelanggan sanggup meluangkan masa untuk mendengar penerangan perihal produk mereka.

Apabila dicerap dengan lebih teliti lagi, kajian ini mempertalikan leksikal jual dengan leksikal minyak. Kenapa lesikal minyak digunakan? Berdasarkan Kamus Dewan Bahasa (2016), minyak merupakan cairan yang tidak boleh bercampur dengan air yang dihasilkan daripada tumbuhan, binatang ataupun lombong. Kajian ini mengemukakan bidang sains dan meneroka sifat minyak. Menurut Utami (2022), minyak merupakan cecair yang tidak larut dalam air namun boleh larut dalam pelarut organik, tidak berwarna, berbau atau berasa, dapat mengeluarkan bau tenguk dan banyak lagi. Tambahan pula, Tri Handayani (2022) menyatakan bahawa minyak tidak boleh bercampur dengan air kerana minyak mempunyai molekul yang bersifat non-polar, berbeza dengan air yang mempunyai sifat polar. Oleh itu, molekul yang bersifat non-polar hanya boleh bersatu dengan non-polar sahaja menyebabkan minyak sukar untuk larut. Namun demikian, air dan minyak boleh bercampur dengan bantuan bahan lain yang dikenali sebagai emulsifier yang memiliki kepada bersifat polar dan ekor bersifat non-polar. Fakarudin (2009) telah menjelaskan bahawa emulsifier merupakan agen pengemulsi yang memastikan bahan-bahan campuran berada dalam keadaan yang stabil dan tidak berpisah kepada dua seperti air sabun.

Melalui penjelasan di atas, dapat diperhatikan bahawa masyarakat Melayu zaman dahulu mempunyai pengalaman dan pengamatan yang tinggi terhadap leksikal jual dan minyak sehingga dapat mengaitkannya dengan perbuatan mengirat perempuan. Penggunaan lesikal jual memerlukan penjual bertemu dengan pelanggan yang ramai dan secara tidak langsung menambah kenalan antara penjual dan pelanggan daripada pelbagai bangsa dan agama. Perkara ini sejajar dengan tujuan Allah menciptakan manusia seperti dalam surah Al-Hujurat ayat 13 yang menerangkan bahawa Allah SWT menciptakan

lelaki dan perempuan daripada pelbagai bangsa dan puak supaya saling berkenalan. Maka, Nazri (2022), menyatakan bahawa tidak hairanlah apabila terdapat segelintir peniaga yang mengambil kesempatan mengorot pelanggan sehingga berakhir ke jinjang perkahwinan seperti pepatah “sambil menyelam minum air”. Sifat minyak tidak boleh bercampur dengan air meskipun bergaul berkali-kali sebenarnya mempunyai solusi dengan bantuan emulsifier. Kajian ini berpendapat bahawa sifat minyak diibaratkan perempuan yang mahal dan lelaki yang cuba mengorot perlu berusaha gigih dengan cara yang betul untuk mendapatkan perempuan tersebut. Perkara ini dapat dilihat melalui adegan Salmah yang dilihat pandai menjaga diri walaupun pernah diganggu oleh Sharip Dol ketika pulang dari kerja. Salmah memberi amaran untuk melaporkan kepada pihak polis sekiranya dia masih lagi diganggu. Maka, filem *Seniman Bujang Lapok* ini menerangkan bahawa wanita yang “mahal” ialah wanita yang pandai menjaga maruah diri. Jelaslah bahawa leksikal jual dan minyak sangat signifikan merujuk kepada perbuatan mengorot perempuan. Maka, kupasan dialog “...Hoi Ramli, nak cari kerje ke, nak jual minyak? Sebenarnya jelas menunjukkan betapa tingginya falsafah dan akal budi masyarakat yang tersirat dalam dialog tersebut. Penggunaan leksikal jual dan minyak mempunyai makna tersirat yang perlu dikupas dengan pendekatan analisis semantik inkuisitif.

Data 2 Perbualan Berimplisit dalam Filem *Seniman Bujang Lapok* (Rujuk Lampiran):


Tahap 1: Analisis Semantik Skrip

Pada tahap ini makna literal sahaja dijelaskan iaitu menunjukkan dialog pergaduhan yang berlaku antara watak Kus dan Aziz apabila masing-masing mempertahankan hak masing-masing. Kus telah membuat bisng dan berasa berhak melakukan apa-apa sahaja di dalam biliknya kerana bilik tersebut tidak dibayar oleh jirannya. Namun, Aziz menyuruh Kus lebih bertimbang rasa kerana telah mengganggu ketenteraman hidup berjiran. Kus masih tidak berpuas hati lantas menyaranan Aziz untuk berpindah ke belakang hospital jika tidak mahu diganggu dengan kebisingan. Persoalannya, kenapa belakang hospital? Makna pada peringkat ini masih kabur dan perkaitan antara leksikal juga masih belum diketahui. Oleh itu, makna pada peringkat ini perlu diperhalus lagi dengan dua lagi tahap analisis iaitu semantik resonans dan semantik inkuisitif bagi mengetahui makna yang cuba disampaikan oleh penutur.


Tahap 2: Analisis Semantik Resonans

Analisis tahap resonans membantu menganalisis tahap semantik inkuisitif dengan memperlihatkan bentuk-bentuk logik makna sesuatu leksikal berdasarkan keupayaan kognitif antara penutur dan pendengar. Oleh itu, pada tahap ini melibatkan gabungan antara data, teori serta keupayaan kognitif bagi merungkai alasan di sebalik penggunaan leksikal yang digunakan dalam filem *Seniman Bujang Lapok* ini. Maka, gambaran kognitif diperlukan bagi meneliti satu persatu leksikal konkrit dengan turut mengambil kira gambaran nyata, bentuk logik dan mempertalikan dengan perbualan berimplisit. Dalam data di atas, leksikal konkrit dikenal pasti merupakan [belakang hospital]. Maka, gambaran kognitif bagi leksikal [belakang hospital] seperti Jadual 2 berikut:

Jadual 2 Gambaran kognitif bagi leksikal [belakang hospital]

Leksikal	Belakang hospital
Rajah	
Sumber	Jas. (2022). Covid-19: Enam daerah di Sarawak tiada kes baharu [Photograph]. Malaysia. https://tvstv.my/2022/03/31/covid-19-enam-daerah-di-sarawak-tiada-kes-baharu/
Definisi	Tempat pesakit diberi jagaan dan rawatan perubatan, pembedahan dan lain-lain
Perbualan/ dialog berimplisit	

Pada tahap ini, pencarian makna diteruskan dengan aplikasi teori relevans daripada Sperber dan Wilson (1986,1995). Teori ini mengetengahkan tiga konsep penting iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha proses bagi melihat tahap kerelevanan sesuatu ujaran berdasarkan usaha memproses yang rendah. Di samping itu, teori relevans juga membenarkan pencarian makna berdasarkan andaian-andaian yang kukuh menyebabkan pelbagai andaian wujud pada tahap ini. Data juga turut dianalisis dengan menggunakan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) seperti Rajah 3 berikut:



Rajah 3 Rangka rujuk silang bagi data 2

Analisis RRS di atas membantu merungkai makna pada tahap ini berdasarkan maklumat tambahan seperti “kau fikir bilik ini bapak kau bayar sewa ka?”, “Bilik ini pun bukan bapak kau bayarlah!”, “timbang rasa sikitlah sama jiran sebelah-menyebelah” dan “kau tak mahu bising-bising” membekalkan konteks menganalisis data “pindahlah belakang hospital”.

Ujaran “kalau kau tak mahu bising-bising kau pindahlah belakang hospital” masih kabur apabila perbuatan tidak mahu mendengar kebisingan dikaitkan dengan perbuatan diarah untuk berpindah ke belakang hospital. Umum mengetahui bahawa hospital menempatkan pesakit yang memerlukan rawatan kadar segera. Dalam TR, konteks merupakan seberkas andaian yang wujud, maka, konteks yang terkandung dalam data tersebut adalah pengasingan tempat bagi mengelakkan perbalahan. Perkara ini dapat dilihat apabila watak Kus dikuasai rasa marah sehingga tidak mengendahkan nasihat Aziz supaya

lebih bertimbang rasa dalam hidup berjiran. Oleh sebab mereka tidak mengenali satu sama lain, maka mereka tidak berkongsi konteks yang sama sedangkan untuk menganalisis sesuatu ujaran, TR mensyaratkan perkongsian konteks antara penutur-pendengar (Sperber & Wilson, 1985, 1995). Oleh sebab itu, ketiadaan konteks menyebabkan mereka tidak memahami antara satu sama lain sehinggakan Sudin melontarkan ujaran “Allah!”. Apa pula kaitan ujaran Allah dengan belakang hospital? Kajian ini berpendapat ujaran Allah yang dilontarkan oleh Sudin menunjukkan Sudin terkejut dengan jawapan Kus yang menyuruhnya berpindah ke belakang hospital. Kajian ini berpendapat berdasarkan paparan RRS di atas, Kus mengarahkan Sudin berpindah ke belakang hospital kerana kajian ini juga berpendapat hospital tidak mengenakan apa-apa sewa tidak seperti rumah sewa/ bilik sewa yang dihuni Kus dan Sudin. Namun, makna ini masih belum memadai untuk mengupas makna belakang hospital tersebut. Mengapa leksikal belakang hospital digunakan? Oleh yang demikian, makna sebenar dihajati masih belum dirungkai dan memerlukan satu lagi tahap analisis yang dikenali semantik inkuisitif.

Tahap 3: Analisis Semantik Inkuisitif

Seperti yang dikupas pada tahap dua, beberapa persoalan timbul pada tahap ini iaitu kenapa leksikal belakang hospital digunakan? Dengan pendekatan semantik inkuisitif, maka, persoalan tersebut mampu diperhalusi kerana semantik inkuisitif bersifat multidisiplin dengan mengemukakan pelbagai disiplin ilmu untuk memperoleh jawapan yang konkrit dan dihajati sehingga ke akal budi penutur. Kajian ini berpendapat ujaran “Allah” yang diujarkan oleh Sudin membekalkan konteks untuk memahami penggunaan belakang hospital. Hal ini sejajar dalam Al-Quran surah Yunus (10:12) yang mengingatkan kita agar senantiasa mengingati Allah dalam semua keadaan tidak kira susah atau senang (Nasir, 2020).

Kajian ini mengemukakan justifikasi berkenaan ujaran belakang hospital. Kajian ini berpendapat kebiasaan hospital mempunyai bilik mayat/ pengurusan jenazah. Misalnya di Hospital Umum Sarawak (HUS), bilik pengurusan jenazah orang Islam tidak berada di dalam bangunan utama HUS. Waris akan ke belakang bangunan utama untuk pengurusan jenazah (dimandikan dan dikafankan). Maka pengasingan bilik mayat ini diibaratkan pengasingan tempat untuk mengelakkan perbalahan. Maka, seperti huraian data-data terdahulu, data ini menunjukkan betapa tingginya falsafah dan akal budi masyarakat yang tersirat dalam dialog tersebut. Penggunaan leksikal belakang hospital mempunyai makna tersirat yang hanya dapat dirungkai melalui pendekatan semantik inkuisitif.

4.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, karya seni filem P. Ramlee bukannya karya yang biasa kerana terselitnya pemikiran dan keintelektualan dalam masyarakat Melayu yang dituturkan dalam bentuk implisit. Oleh itu, dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif yang merupakan bidang multidisiplin membolehkan kita mengetahui “mengapa” leksikal-leksikal tertentu digunakan dalam pertuturan masyarakat Melayu suatu ketika dahulu. Tuntasnya, makna pada peringkat harfiah dan kognitif sahaja tidak memadai untuk merungkai makna tersirat yang dikandung dalam data. Diharap pengkaji akan datang atau pengkaji lain dapat memperbanyak khazanah turun temurun supaya tidak lenyap ditelan arus pemodenan.

PENGHARGAAN

Penulisan ini disokong oleh Geran Kerusi P. Ramlee [F09/PRC/2168/2021].

RUJUKAN

- A Pogadaev, V. (2016, Mac 16). Kemasyhuran, bakat unik Seniman Agung merentasi sempadan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2016/03/134135/kemasyhuran-bakat-unik-seniman-agung-merentasi-sempadan>.
- Abdullah, N. H. (2016). Keagungan filem P. Ramlee di Malaysia: Perspektif antara generasi. *Evaluating Student Teachers' Efficacy*, 2, 131.
- Abdullah, N. A. V., & Zainudin, I. Z. M. (2021). Aspek sosiologi filem Pendekar Bujang Lapok (1959). *Jurnal Melayu*, 487-505.
- Abdul Kadir, F. R., Hamzah, Z. A. Z. (2017). Ujaran berimplisit dalam filem Melayu klasik Sri Mersing. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 6, 13-24.
- Abang Muhi (2021), A. P. (2021). Analisis gnere dan akal budi dalam simpulan bahasa Melayu Sarawak. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9(1), 49-61.
- Alias, N., & Md. Noh, N. S. (2021). Analisis ayat songsang dalam filem Seniman Bujang Lapok berdasarkan teori Ubah Alfa. *Jurnal Melayu*, 543-560.
- Baharuddin, R. (2012, April 12). Seni memuji dalam jualan. *Tips Jualan*. <http://tipsjualan.blogspot.com/2012/04/seni-memuji-dalam-jualan.html>.
- Daud, M. Z. (2018). Pengaplikasian kerangka semantik inkuisitif melalui slanga. *MALTESAS Multi Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 43-52.
- Daud, M. Z., Abdullah, N. A. & Subet, M. F. (2021). Refleksi sisi negatif burung gagak dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 10(2), 24-44.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019a). Ayam (gallus-gallus domesticus) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*, 17(1), 36-42.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019b). Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik: Perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 37-62.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019c, October). *Elemen perlambangan unggas dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif*. Poster session presented at Hari Terbuka Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019d). Slanga dan simbol tumbuhan dalam komunikasi lisan masyarakat Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 30(1), 108-136.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2021a). Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang memperyalikan politik tempatan: Analisis pragmatik. *Issues in Language Studies*, 10(1), 110-130.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2021b). Ayam sebagai rujukan makna inkuisitif berhati-hati, sia-sia dan khianat dalam peribahasa Melayu. *Kajian Malaysia*. http://web.usm.my/km/earlyView_May2021/16_KM-OA-06-19-0071.R4.pdf.
- Daud, M. Z., Abd Wahid, M. S. N., & Gedat, R. (2017). Eufemisme dalam bahasa Iban: Satu kajian kes di Kampung Lebor, Serian, Sarawak. *Borneo Research Journal*, 11(1), 87-105.
- Daud, M. Z., Abd Wahid, M. S. N., & Gedat, R. (2018). Penggunaan eufemisme dalam kalangan penutur Iban. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 8(1), 27-40.

- Daud, M. Z., Wahap, H. N., & Lokman, M. N. (2018). Analisis semiotik peribahasa Banjar bersumberkan ular (serpentes). *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(2), 1-7.
- Daud, M. Z. (2017). *Slanga kedai kopi: Satu analisis semantik inkuisitif* (FYP thesis). Universiti Malaysia Sarawak.
- Daud, M. Z. (2018a). Domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan Aves melalui perspektif semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 19-28.
- Daud, M. Z. (2018b). Gallus gallus domesticus dan Paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41-51.
- Daud, M. Z. (2018d). Imej tumbuhan dalam slanga: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 4(1), 1-21.
- Daud, M. Z. (2020). *Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif* (Unpublished master's thesis). Universiti Malaysia Sarawak
- Faizul (2017, June 11). Kenapa kita digalakkan untuk berniaga. *Blog PG Faizul kaya dengan emas*. <https://publicgoldkuantan.wordpress.com/2017/06/11/kenapa-kita-digalakkan-untuk-berniaga/>.
- Fakarudin (2019, November 7). Apa itu pengemulsi/emulsifier? *Halalgenius.com*. <http://fakarudinft.blogspot.com/2009/11/apa-itu-pengemulsiemulsifier.html>.
- Hasan, N., Hamzah, Z. A. Z., Yaakub, N. A., & Husin, F. (2020). Eksploitasi maksim Grice lambang kehalusan berbahasa masyarakat Melayu: Analisis dalam filem Dayang Senandong (1965). *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 8(2), 25-39.
- Hamid, N. (2017, November 26). Barang keperluan asas tidak dikenakan GST. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/11/355350/barang-keperluan-asas-tidak-dikenakan-gst>.
- Hedel, N. E. F., & Subet, M. F. (2020). Peristiwa aneh dalam cerita rakyat “Hikayat Nakhoda Muda”: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 147-160.
- Hedel, N. E. F., & Subet, M. F. (2021). Genre perbualan aneh dalam Hikayat Nakhoda Muda: Analisis semantik inkuisitif. *LSP International Journal*, 8(1), 1-18.
- Handayani, T. [Tri Handayani]. (2022, June 8). *Kenapa sih air dan minyak tidak dapat bercampur?* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=pAmPHcN2reE>.
- Ho, W. S., & Jalaluddin, N. H. (2019). Bahasa kiasan dalam lagu “mati hidup semula”: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 231-258.
- Ho, W. S. (2020). Gambaran kemewahan melalui perlambangan dalam lirik lagu Hokkien “Ji Pa Ban”: Analisis semantik inkuisitif. *PENDETA*, 11(1), 98-114.
- Idid, S. A. (1992). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains soisal*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jalaluddin, N. H. (2014). *Semantik dalam akal budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jeffrey, R. D., & Subet, M. F. (2018). Unsur alam dalam peribahasa Iban (Jaku’ sempama): satu analisis semantik inkuisitif. *Trends in Undergraduate Research*, 1(1), 10-15.
- Jonteng, S. E., Yahya, Y., Salleh, S. F., Abdullah, N. A., & Subet, M. F. (2021). Imej perlambangan ‘tangan’ dalam simpulan bahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 108-131.
- Kamarudin, M. K., & Bahrain, I. R. K. (2021). Analisis pewarisan pusaka menurut Islam dalam filem klasik Tiga Abdul. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(3), 178-198.

- Kempson, R. M. (1986). Ambiguity and the semantics and pragmatics distinction. In C. Travis (ed.), *Meaning and interpretation*. Basil Blackwell.
- Khairi, I. (2015, July 8). 4 sebab mengapa perniagaan juga perlu sabar. *IrfanKhairi.com*. <https://www.irfankhairi.com/blog/perniagaan/4-sebab-mengapa-perniagaan-juga-perlu-sabar/>.
- Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat*. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liamputtong, P. (2014). *Kaedah penyelidikan kualitatif*. Universiti Putra Malaysia Press.
- Pillai, S. P. K. (2017). Gerimis: Penggunaan filem Tan Sri P. Ramlee sebagai kajian kes dalam kursus Komunikasi Antara Budaya di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). *Al-Hikmah: Journal of Islamic Dakwah*, 9(1), 128-140.
- Saimon, A., & Hamzah, Z. A. Z. (2019). Ujaran saling memahami dalam filem Nordin Ahmad. *Issues in Language Studies*, 8(1), 162-180.
- Shaharudin, M. S. (2021). The ideas of cosmopolitan Islam in the Film Ali Baba Bujang Lapok and Tiga Abdul. *Malaysian Journal of Islamic Movements and Muslim Societies*, 1(1), 38-47.
- Sagkif Shek, S. Z., & Md. Dawam, Z. A. (2020). Komposisi tari Melayi dalam filem P. Ramlee Sumpah Orang Minyak (1958): Analisis terhadap tarian Tudung Periuk. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 10, 19-34.
- Swari, R. C. (2020, October 2). Kenapa pipi merona merah saat kira tersipu malu? *Hello sehat*. <https://hellosehat.com/sehat/informasi-kesehatan/pipi-merah-saat-malu/>.
- Tahniah, R., Dahlan, S., & Asnawi, A. (2017). Ponomia Bahasa Melayu dalam filem Nujum Pak Belalang karya Puteh Ramlee. *Geram*, 5(1), 66-72.
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019a). Cerminan pemakanan sihat dalam peribahasa Tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik Terapan*, 9(2), 1-12.
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019b). Kajian semantik inkuisitif dalam peribahasa Tamil: Imej tumbuhan. *Sains Humaika*, 11(1), 73-80.
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019c). Peribahasa Tamil berimej lada hitam sebagai tradisi lisan: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of Creative Future and Heritage (Teniat)*, 7(2), 70-88.
- Murthy, T., & Subet, M. F. (2018). Imej tebu dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *Trends in Undergraduate Research*, 1(1), 24-29.
- Murthy, T., & Subet, M. F. (2019). Imej katak dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi Disciplinary Research Journal*, 4(1), 31-41.
- Murthy, T., & Subet, M. F. (2020). Gajah dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 134-146.
- Mohammad, M. S. F., & Saidi, S. (Eds.). (2021). *Prosiding Kolokium Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu 2021*. Jabatan Pengajian Melayu Institusi Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak Kota Samarahan.
- Nasir, M. S. (2020, October 13). Doalah ketika senang dan susah. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/10/630048/doalah-ketika-senang-dan-susah>.
- Nazri, N. (2022, December 25). Tak sia-sia kerap pusing taman perumahan, lelaki ini bertemu jodoh cikgu taska...” Siapa suruh selalalu beli aiskrim saya?” Mstar. <https://www.mstar.com.my/lokal/viral/2022/12/25/v-tak-sia-sia-kerap-pusing-taman-perumahan-lelaki-ini-bertemu-jodoh-cikgu-taska-siapa-suruh-selalu-beli-aiskrim-saya>.
- Nopiah, J., Jalaluddin, N. H., & Yusof, M. (2018). Unsur tajam dan berangin dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Kiasan, kognitif dan akal budi Melayu*, 189-208.

- Swari, R. C. (2020, October, 2). Kenapa pipi merona merah saat kita tersipu malu? Hello Sehat Kementerian Kesehatan Republik Indonesia. <https://hellosehat.com/sehat/informasi-kesehatan/pipi-merah-saat-malu/>.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Blackwell.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1995). *Postface relevance: Communication and cognition*. Blackwell.
- Utami, S. N. (2022, July 7). Sifat-sifat lemak dan minyak. *Blog Kompas*. <https://www.kompas.com/skola/read/2022/07/07/120000769/sifat-sifat-lemak-dan-minyak?page=all>.
- Wan Mansor, N. A., & Jalaluddin, N. H. (2016). Makna implisit bahasa kiasan Melayu: Mempertalikan komunikasi, kognisi dan semantik. *Jurnal Komunikasi*, 32(1), 189-206.

LAMPIRAN

Tajuk Filem	Perbualan berimplisit
Seniman Bujang Lapok (1961)	<p>Ramli: Hmm, Cik Salmah malam ini kita boleh jumpa tak di bawah pokok? Salmah: Tengoklah! Ramli: Tengok ya? Aziz: Hoi, Ramli, nak cari kerja ke, nak <i>jual minyak</i>? Sudin: Minyak apa? Aziz: Minyak urat Ramli: Cik Salmah, hmm, malam ni kalau tak... bolehpun bikinlah sampai boleh, ya?</p> <p>Kus: Peduli apa gaduh? Hoi, kau fikir bilik ini bapak kau bayar sewa ka? Aziz: Bilik ini pun bukan bapak kau bayarlah! Tapi timbang rasa sikitlah. Sama jiran sebelah-menyebelah. Kus: Kalau kau tak mahu bising-bising kau pindahlah <i>belakang hospital</i>. Sudin: Allah!</p>
Ali Baba Bujang Lapok (1961)	<p>Penjual sayur: Assalamualaikum! Cik siti mau beli apa? Marjina: Saya mau beli <i>belacan</i>... Penjual sayur: Syissss! Jangan cakap kuat-kuat. Nanti polis tangkap sama saya. Mardina: jual belacan pun polis tangkap. Penjual sayur: Benar cik siti. Jual <i>candu</i> ada lesen. Jual <i>ganja</i> ada lesen. Tetapi jual belacan tak ada lesen. Saya <i>semungglar</i> dari Malaya. Marjina: Hmm...</p> <p>Ali Baba: Sudahlah kanda, janganlah menangis. Kanda bukan tak tahu sudah berapa tahun saya tak nangis. Hu...hu...hu... Norsiah, bawaklah mayat ni ke atas. Ali baba: Pelan-pelan (2x) Marjina! Marjina! Marjina, kanda kassim baba sudah mati. Sekarang kau pergi cari tukang jahit. Untuk <i>jahit mayat</i> Kassim Baba. Lekas! Kalau dia tidak mau, berikan wang ini. Lekas. Marjina: Baik, tuan</p>
Tiga Abdul (1964)	<p>Abdul Wahab: Ah, saudara-saudari sekalian! Sekarang saya nak bagi satu teka-teki. Di atas langit, di bawah bumi, apa di tengah-tengahnya? Saudari? Gadis I: Bulan. Abdul Wahab: Bulan! Pasal saudara cantik macam bulan bukan? Dah ingatkan bulan aje. Tak betul. Saudari? Gadis II: Angin. Abdul Wahab: Eh! Kenapa pulak angin? Satu badan angin... eh! Salah! Saudari? Gadis III: Hujan. Abdul Wahab: Hujan? Hai...Mentang-mentanglah musim hujan, asyik ingat hujan aje. Salah tu. Yang betulnya, <i>tiga titik</i>. Semua gadis: Wah!!!</p>

Tajuk Filem	Perbualan berimplisit
	<p>Abdul Wahib: Ah! Manisku Rafidah Segaraga. Ah, sudah lama kita tak berjumpa.</p> <p>Rafidah: Kanda Abdul Wahib.</p> <p>Abdul Wahib: Hmm!</p> <p>Rafidah: Sejak pertemuan kita di malam itu, adinda sedikitpun tak dapat tidur, asyik teringat kanda saja.</p> <p>Abdul Wahib: Aiii, kandapun lebih dahsyat dinda. Makan tak kenyang, <i>tidur tak basah, mandi tak lena</i>, pendek kata dalam seminggu dua ni, macam kapal nak masuk Dok.</p> <p>Rafidah: Alah, kanda boraklah. Takkanlah kanda ingat pada dinda.</p>
Nasib Do Re Mi (1966)	<p>Doktor: Sekarang awak dah sihat, jadi awak boleh keluar.</p> <p>Do: Keluar tuan doktor, sebenarnya kita tak mahu keluar tuan doktor. Kita nak tinggal di sini sampai mati.</p> <p>Doktor: Sampai mati? Sebab?</p> <p>Re: Errr....sebab di sini makanpun ada, tempat tidur ada orang kemas, tuan doktorpun baik.</p> <p>Do/Re/Mi: he...he...he...he...</p> <p>Mi: Nurse sinipun cantik-cantik, muda-muda, baik dijaga kami. Jadi kami tiga orang ni dah lama <i>janda</i>. Bagilah can kami <i>berbini</i>, tuan doktor.</p> <p>Do/re/mi: He...he...he...</p> <p>Doktor: Tapi kamu mesti tahu di rumah sakit ni hanya untuk orang sakit.</p> <p>Do: Eh... sudahlah adakah Hang Tuah nak buat rumah di tengah-tengah hutan ni. Ini tahun berapa ni?</p> <p>Mi: Eh... jangan cakap sebarang. Ini malam apa ni?</p> <p>Do: Malam jumaat. Kenapa?</p> <p>Mi: Jumaat? Hantu.....</p> <p>Re: Tak usah takut.</p> <p>Do: Hmm, kau yang bilang jangan takut, yang kau mengeletar ni kenapa?</p> <p>Re: Demam... tak sedap badan...</p> <p>Do: Ada kawanpun tak guna...jangan takut. Eh... setahu aku, kalau <i>rumah</i> di tengah-tengah <i>hutan</i> begini mesti ada <i>anak dara</i>, tau.</p> <p>Re: Anak dara...</p> <p>Do: Hai... dengar si anak dara, terus berhenti.</p> <p>Re: Dah kebah. He...he... kalau ada anak dara tentu ada orang masak.</p> <p>Do: Ya...ada beras.</p> <p>Re: Kitapun lapar ...nak makan tak?</p> <p>Mi: Bagus-bagus.</p>
Pendekar Bujang Lapok (1959)	<p>Kemat: bila jatuh dia nak bangun ni, bila dia bangun dia nak lawan pulak. Apa lagi aku tak kasi <i>chance</i> la. Aku pun tumbuk muka dia.</p> <p>Wak Mustar: Pakcik elak. Sekali pakcik tepis kakinya. Kedebab... dia jatuh.</p> <p>Kemat: Macam nangka da aku kena. Sekali Rapi datang terkam, Rapi masuk</p>

<p>Tajuk Filem</p>	<p>Perbualan berimplisit</p>
	<p>terajang Siam...pulang. Wak Mustar: Pakcik keluar Kunci Kelantan. Dia tersepit. Satu kali pakcik syabat kepalanya, ting... Berpusing. Kemat: macam gasing da... Rapi kena. Sekali aku dapatkan chance, aku gigit telinganya. Wak Mustar: aduh! Pakcik menjerit. Kemat: sekali kami tangkap macam rimau. Wak Mustar: <i>Pakcik tendang macam tikus.</i> Ramli/Aziz/Sudin: ikh...ikh...ikh... Apa jadi pakcik? Wak Mustar: Dia pengsan</p> <hr/> <p>Wak Mustar: Dulu kerja apa nak? Ramli: Ooo... kerja kita bukan main teruk Pakcik. Sudin: Siang malam tak dapat tidur... Aziz: E...ya... Pakcik... Wak Mustar: Kerja apa tu nak Ramli? Ramli: <i>Kira bulu kambing...</i> Wak Mustar: Ikh...ikh...ikh... tak terkira itu nak... Aziz? Aziz: Kerja saya berat sekali pakcik saing malam tak boleh baring... Wak Mustar: Apa tu kerja? Aziz: Kerjanya <i>menunggu ayam jantan bertelur</i> pakcik... Wak Mustar: Ikh...ikh...ikh... Berapa lama nak menunggu? Aziz: Entahlah pakcik... Wak Mustar: Sudin? Sudin: Ooo... Kerja saya merbahaya pakcik, saing malam berjaga-jaga sahaja... Wak Mustar: Kerja apa? Sudin: Kerja <i>sambung ekor beruang...</i> Wak Mustar: Ikh...ikh...ikh salah salah beruang tu ngap... Sudin: Kalau dia ngap...saya tinggal ngep</p>